A

PP lwn. MOHAMAD POGI ABDUL LATEB

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
MOHD RADZI HARUN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: AA-41LB-16-07-2018]
26 APRIL 2019

B

PENGANGKUTAN JALAN: *Kemalangan – Memandu secara merbahaya – Pemandu lori dituduh bawah s. 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan semua elemen pertuduhan – Sama ada pemandu memandu dalam keadaan merbahaya hingga menyebabkan kematian –*

C

Sama ada pemandu berjaya membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan oleh pihak pendakwaan – Pemandu lori dituduh bawah s. 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 – Pemandu dilepas dan dibebaskan oleh Majistret di akhir kes pembelaan – Sama ada pihak pendakwaan*

D

berjaya membuktikan semua elemen pertuduhan – Sama ada pemandu memandu dalam keadaan merbahaya hingga menyebabkan kematian – Sama ada pemandu berjaya membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan

E

Responden, pada asalnya, dituduh di Mahkamah Majistret, kerana menyebabkan kematian dengan memandu secara melulu atau membahayakan, satu kesalahan bawah s. 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ'). Majistret memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* bawah s. 41(1) APJ. Sebaliknya, beliau berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie* bawah s. 43(1)

F

APJ. Di akhir kes pembelaan, Majistret mensabitkan responden atas kesalahan bawah s. 43(1) APJ dan menjatuhkan hukuman denda RM5,000, jika gagal membayar tiga bulan penjara, serta perintah agar sabitan direkodkan dalam lesen memandu responden. Pihak pendakwaan merayu terhadap keputusan Majistret di Mahkamah Tinggi dan rayuan tersebut dibenarkan. Mahkamah Tinggi memerintahkan responden dipanggil

G

membela diri bawah pertuduhan asal iaitu s. 41(1) APJ. Responden mengemukakan seorang saksi pembelaan sahaja iaitu dirinya sendiri. Menurut responden, (i) pada hari kejadian, dia memandu lori kontenanya dan setibanya di tempat kemalangan, hujan turun dengan lebat dan keadaan sekeliling berkabus; (ii) kenderaan di hadapannya tiba-tiba membrek kerana

H

terdapat sebatang pokok tumbang di atas lebuh raya tersebut; (iii) responden membrek lorinya lalu lori itu menggelongsor, hilang kawalan dan melanggar penghadang besi jalan raya, menyebabkan kepala lori melepasi jalan lebuh raya di arah bertentangan manakala kontenanya tercabut daripada kepala lori; dan (iv) lebih kurang 15 minit selepas lori tersebut terbabas, kenderaan

I

yang dipandu si mati, di bahagian lebuh raya bertentangan, melanggar bahagian kepala kontena tersebut. Di akhir kes pembelaan, Majistret

memerintahkan agar responden dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan bawah s. 41(1) APJ. Maka timbul rayuan ini. Isu-isu yang perlu diputuskan adalah (i) sama ada keterangan responden berjaya membuktikan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan; dan (ii) sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan semua elemen bawah s. 41(1) APJ tanpa apa-apa keraguan munasabah.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Keterangan responden tentang kewujudan sebuah kenderaan di hadapannya, yang membrek secara tiba-tiba di tempat kemalangan, tidak disokong mana-mana keterangan lain. Walau bagaimanapun, keterangannya tentang terdapat sebuah pokok tumbang di kawasan kemalangan amat kritikal. Walaupun tiada keterangan lain yang menyokong keterangan responden tentang perkara ini, pegawai penyiasat ('SP6') memberi keterangan terdapat pokok di kiri kanan kawasan kemalangan. Semasa disoal balas, SP6 bersetuju terdapat serpihan pokok di sebelah kiri lebuh raya tersebut. Oleh itu, keterangan SP6 konsisten dan menyokong keterangan responden bahawa terdapat pokok di arah laluannya. (perenggan 16-18)

(2) SP6 memberi keterangan bahawa sebelum kemalangan berlaku, responden memandu dalam had laju yang dibenarkan, iaitu 75-80 km sejam, tetapi berada dalam keadaan yang 'tak jaga jarak, bila emergency break akan sebabkan kenderaan itu terbabas dan hilang kawalan'. Keterangan SP6 ini menyokong dan konsisten dengan keterangan responden tentang perkara yang berlaku beberapa detik sebelum kemalangan. (perenggan 19)

(3) Responden berjaya membuktikan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Pihak pendakwaan gagal membuktikan, tanpa apa-apa keraguan munasabah, elemen pertuduhan iaitu 'memandu dalam keadaan merbahaya sehingga menyebabkan kematian' kerana (i) keterangan responden bahawa, semasa kejadian, dia memandu pada kelajuan 80km sejam, konsisten dengan keterangan SP6 dan ini bukan kelajuan rendah tetapi hampir, atau telah, mencapai kelajuan maksima kontena tersebut seperti yang dibenarkan; (ii) kelajuan ini, mengambil kira jalan yang licin dan persekitaran yang berkabus, satu pemanduan bahaya; (iii) pemanduan merbahaya responden telah menyebabkan responden tidak dapat mengawal lori lalu terbabas; kemalangan antara lori responden dengan kenderaan si mati tidak berlaku semasa responden memandu secara merbahaya; dan (iv) kemalangan berlaku beberapa ketika selepas lori responden terbabas. Dapatan Majistret bahawa pihak pembelaan berjaya menimbulkan satu keraguan munasabah adalah betul. (perenggan 22, 23 & 28)

A **Kes-kes yang dirujuk:**
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2071; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Ng Beng Kok v. PP [2017] 7 CLJ 157 CA ***(dirujuk)***
P'ng Hun Sun v. Dato' Yip Yee Foo [2013] 1 LNS 320 CA ***(dirujuk)***
PP v. Zulkifli Omar [1998] 1 CLJ 1079 HC ***(dirujuk)***
B *Saad Abas & Anor v. PP [1998] 4 CLJ 575 CA* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Road Transport Act 1987, ss. 41(1), (4), 42, 43(1)

Bagi pihak pendakwaan - Maziyah Mansor; TPR
Bagi pihak responden - Amani Williams-Hunt Abdullah; T/n S Kumaresan & Assocs
C

[Nota pengarang: Untuk penghakiman Mahkamah Majistret, sila lihat PP lwn. Mohamad Pogi Abd Lateb [2018] 5 LNS 73 (disahkan).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

D

PENGHAKIMAN

Mohd Radzi Harun PK:

Latar Belakang

E **[1]** Responden dituduh di bawah s. 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ("APJ"). Setelah perbicaraan dijalankan, di akhir kes pihak pendakwaan, Majistret telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal menimbulkan kes *prima facie* di bawah s. 41(1) APJ. Namun demikian, Majistret berpuas hati bahawa suatu kes di bawah s. 43(1) APJ telah berjaya dibuktikan secara
F *prima facie* oleh pihak pendakwaan. Lalu, responden dipanggil untuk membela diri di bawah s. 43(1) APJ. Di akhir kes pembelaan, Majistret memutuskan untuk mensabitkan responden di bawah s. 43(1) APJ. Responden dijatuhkan hukuman denda RM5,000 jika tak bayar tiga bulan penjara, serta perintah diberikan supaya sabitan direkodkan dalam lesen memandu responden.

G **[2]** Pihak pendakwaan telah merayu terhadap keputusan Majistret tersebut. Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan itu dan Mahkamah Tinggi memerintahkan supaya responden dipanggil untuk membela diri di bawah pertuduhan asal, s. 41(1) APJ.

H **[3]** Di akhir kes pembelaan, Majistret telah memerintahkan responden dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan di bawah s. 41(1) APJ.

[4] Rayuan di hadapan saya adalah oleh pihak pendakwaan/perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan Majistret itu.

I **[5]** Setelah meneliti kembali segala rekod-rekod rayuan, terutamanya nota keterangan saksi-saksi sewaktu perbicaraan di hadapan Majistret, alasan penghakiman Majistret, serta hujahan bertulis pihak pendakwaan dan peguam responden, serta setelah mendengar hujahan lisan kedua-dua pihak,

saya memutuskan untuk menolak rayuan oleh pihak pendakwaan setelah memutuskan dapatan fakta dan undang-undang yang dibuat oleh Majistret untuk melepaskan dan membebaskan responden dari pertuduhan di bawah s. 41(1) APJ adalah betul.

[6] Pihak pendakwaan sekarang memfailkan rayuan terhadap keputusan saya itu. Di bawah ini saya perturunkan alasan-alasan bagaimana saya mencapai keputusan sedemikian.

Isu Untuk Diputuskan

[7] Pada peringkat rayuan ini, mahkamah ini hanya perlu memutuskan sama ada:

(i) Keterangan pihak responden berjaya membuktikan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan; dan

(ii) Pihak pendakwaan berjaya membuktikan segala elemen di bawah s. 41(1) APJ 1987 tanpa apa-apa keraguan munasabah, setelah meneliti keterangan pihak responden itu.

Dapatan

[8] Prinsip yang terpakai kepada Majistret pada waktu membuat penilaian saksi semasa kes pihak pembelaan ialah seperti diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Saad Abas & Anor v. PP* [1998] 4 CLJ 575 apabila Lamin Mohd Yunus (Presiden Mahkamah Rayuan ketika itu) membentangkan keputusan Mahkamah Rayuan menyatakan:

> When a judge is required by a written law to call upon an accused to enter on his defence upon the prosecution having proved its case, the accused is under an obligation to submit to the order of the judge by making his defence in any way in accordance with the law. In the instant case, when the High Court judge ruled at the end of the appeal by the prosecutor that the applicants must enter their defence, it was as good as saying that the magistrate himself had decided to call for the defence. The proceedings, hence, must continue until the end of the case for the defence and only then would the court be able to finally decide the fate of the applicants.

[9] Saya dapati Majistret telah mematuhi prinsip yang dinyatakan itu.

[10] Pihak responden hanya mengemukakan seorang saksi memberi keterangan semasa kes pembelaan, iaitu responden sendiri. Oleh itu, Majistret hanya perlu menilai dengan mendalam segala keterangan responden, yang boleh dilihat di ms. 61-70 nota keterangan.

[11] Responden memberi keterangan bahawa pada hari kejadian, beliau memandu lori kontena untuk perjalanan dari Ipoh ke Pelabuhan Kelang. Beliau membawa muatan dalam kontena yang dipandunya tetapi beliau tidak tahu apa muatan kontena itu.

[12] Responden bertolak dari Ipoh pada jam 2 petang. Setelah berhenti di kawasan Rehat dan Rawat Tapah, responden meneruskan perjalanannya ke Pelabuhan Kelang. Menurut responden, beliau sampai di KM392.4, tempat kemalangan, pada jam lebih kurang 5.15 petang.

[13] Beliau seterusnya memberi keterangan bahawa semasa sampai di tempat kemalangan itu, hujan lebat dan keadaan sekitar tempat kemalangan adalah berkabus. Pada waktu itu, beliau ternampak sebuah kenderaan di hadapannya membrek secara tiba-tiba kerana terdapat sebatang pokok tumbang di atas lebuh raya berkenaan.

[14] Keadaan itu menyebabkan responden membrek lori kontena yang dipandunya lalu mengakibatkan lori kontena itu menggelongsor dan beliau hilang kawalan terhadap lori kontena itu lalu melanggar penghadang besi lebuh raya. Impak kejadian ini menyebabkan kepala lori kontena itu melepasi jalan lebuh raya di arah bertentangan. Manakala kontena telah tercabut dari kepala lori kontena itu.

[15] Kedudukan kepala lori kontena yang dipandu responden serta kontena adalah seperti dalam rajah kasar dan kunci rajah kasar (eks. P10 dan P10K) yang disediakan oleh pegawai penyiasat, SP6.

[16] Mahkamah ini dapati keterangan responden mengenai kewujudan sebuah kenderaan di hadapannya yang membrek secara tiba-tiba di tempat kemalangan tidak disokong oleh mana-mana keterangan lain.

[17] Namun demikian, keterangan responden mengenai terdapat sebatang pokok tumbang di kawasan kemalangan amat kritikal. Walaupun tiada keterangan lain yang menyokong keterangan responden mengenai perkara ini, pegawai penyiasat SP6 memberi keterangan bahawa terdapat pokok di kiri kanan kawasan kemalangan. Beliau juga bersetuju semasa disoal balas oleh peguam responden bahawa dengan merujuk kepada gambar-gambar di tempat kemalangan, terutamanya eks. P2(17), terdapat serpihan pokok di sebelah kiri lebuh raya itu. Jika dirujuk semula kepada rajah kasar di eks. P10, kedudukan serpihan pokok ini adalah disahkan oleh SP6 sebagai berada di posisi paling kanan dalam rajah kasar itu.

[18] Mahkamah ini memutuskan bahawa keterangan SP6 ini adalah konsisten dan menyokong keterangan responden bahawa terdapat pokok di arah laluan beliau, yakni ditunjukkan di sebelah kanan dalam rajah kasar di eks. P10 tersebut.

[19] SP6 seterusnya memberi keterangan bahawa siasatan beliau merumuskan bahawa sebelum kemalangan berlaku, responden memandu dalam had laju yang dibenarkan, 75-80km sejam, tetapi berada dalam keadaan yang "tak jaga jarak, bila emergency break akan sebabkan kenderaan itu terbabas dan hilang kawalan." Keterangan SP6 mengenai perkara ini juga didapati mahkamah ini sebagai menyokong dan konsisten dengan keterangan responden mengenai apa yang berlaku beberapa detik sebelum kemalangan berlaku.

[20] Mahkamah ini seterusnya meneliti keterangan responden bahawa lebih kurang 15 minit selepas lori kontenanya terbabas, kenderaan yang dipandu si mati di bahagian lebuh raya yang bertentangan telah melanggar bahagian kepala kontena itu.

[21] Mahkamah ini membuat judicial notice bahawa walaupun had laju lebuh raya ialah 110km/j, namun bagi kenderaan besar seperti yang dipandu oleh responden, ia mempunyai had laju khusus tanpa dan dengan had muatan. Keterangan ini tiada diberikan di hadapan Majistret.

[22] Setelah menilai semua keterangan yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan di atas, mahkamah ini merumuskan:

(i) keterangan responden bahawa semasa kejadian dia memandu pada kelajuan 80km sejam, yang merupakan keterangan yang konsisten dengan keterangan pegawai penyiasat, bukanlah kelajuan rendah, tetapi hampir atau telah mencapai kelajuan maksima kontena tersebut seperti yang dibenarkan;

(ii) kelajuan ini, dengan mengambil kira keadaan jalan yang licin disebabkan hujan lebat pada waktu kejadian, ditambah pula dengan keadaan persekitaran tempat kemalangan yang berkabus, adalah suatu keadaan pemanduan merbahaya;

(iii) pemanduan merbahaya responden itu telah menyebabkan responden tidak dapat mengawal lori kontena itu lalu terbabas;

(iv) kemalangan antara lori kontena responden dengan kenderaan si mati bukan berlaku semasa responden memandu dalam keadaan merbahaya itu; dan

(v) kemalangan itu berlaku beberapa ketika selepas lori kontena responden terbabas.

[23] Susulan segala rumusan di atas, mahkamah ini dapati responden telah berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pihak pendakwaan. Elemen pertuduhan terhadap responden iaitu "memandu dalam keadaan merbahaya sehingga menyebabkan kematian" gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan tanpa apa-apa keraguan munasabah.

[24] Dalam kes *Ng Beng Kok v. PP* [2017] 7 CLJ 157, Mahkamah Rayuan dengan amat komprehensif mengulas tentang elemen-elemen yang terkandung dalam s. 41 APJ, apabila diputuskan seperti berikut:

> The above section, in our view, creates three distinct offences, namely:
>
> (a) driving a motor vehicle recklessly;
>
> (b) driving a motor vehicle at speed; or

A (c) driving a motor vehicle in a manner which, having regard to all the circumstances (including the nature, condition and size of the road, and the amount of the traffic, which is or might be expected to be on the road) is dangerous.

(see *R v. Evans* [1962] 3 All ER 1086).

B **[25]** Responden dihadapkan dengan pertuduhan di bawah *limb* ke-3 s. 41 APJ 1987.

[26] Dalam konteks sesuatu pertuduhan di bawah s. 41(1) APJ, ujian yang terpakai adalah seperti dinyatakan dalam keputusan Vincent Ng HMT kes *PP v. Zulkifli Omar* [1998] 1 CLJ 1079; [1988] 6 MLJ 65. Dalam kes ini Yang C Arif Vincent Ng menjelaskan s. 41(1) APJ ini mewujudkan dua kategori kesalahan melibatkan pemanduan yang mengakibatkan kematian, yang sama sekali berbeza darjah keseriusannya, seperti berikut:

D [1] There are two distinct categories of offences embodied in s. 41(1) of the RTA, i.e., causing death by dangerous driving or causing death by reckless driving. The first category encompasses cases in which the accident has arisen through momentary inattention, misjudgment or inadvertence; the second and more serious category consists of those in which the accused has driven in a manner which has shown a selfish disregard for the safety of other road users or of his passengers, or with E a degree of recklessness. [*R v. Guilfoyle; Tan Thang Sang & Anor v. PP* [1973] 1 LNS 158; *R v. Boswell; Goh Kheng Seong v. PP*]. It is precisely in recognition of this distinction that the Legislature has expressly provided, by s. 41(4) of the RTA, that the court may, upon the trial of a person for an offence under s. 41(1) of the RTA, convict such person of an offence under ss. 42 or 43 of the RTA.

F [1a] The meanings of 'driving dangerously' and 'driving recklessly' have not been spelt out by the Legislature and are, therefore, left to the courts. To be guilty of the more serious offence of 'driving recklessly', a driver must have created an obvious and serious risk of injury to a person or damage to property, and must either have given no thought to the G possibility of that obvious risk, or have seen the risk but nevertheless decided to take it. It is not in every case that a defendant who is 'driving dangerously' is also 'driving recklessly', although in most cases the two will coincide.

[1b] In an offence under s. 41(1) of the RTA, excessive speed is not the sole decider for 'driving recklessly'; there must also be a finding on the H manner and the other aspects of the defendant's driving, viz, the prevailing circumstances at the material time of the accident, including the nature, condition and size of the road, and the amount of traffic which is or might be expected on the road. The risk created by the manner in which the vehicle is driven must be both obvious and serious, and the I court has to be satisfied that the essential or core ingredients of recklessness have been proven beyond a reasonable doubt.

[2] It is vital to maintain the dichotomy between the two categories of the offence under s. 41(1) of the RTA as the punishment to be imposed on a defendant is wholly dependent on which of the two categories the offence has been committed under. The legislative target for the imposition of heavy and deterrent penalties is directed at the more serious category of reckless drivers who have shown a high degree of culpability and callous disregard for the safety of other road users. It could never have been the intention of the Legislature to have the courts impose equipollent sentences for both the two categories of the offence under s. 41(1) of the RTA. [*R v. Guilfoyle; Tan Thang Sang & Anor v. PP* [1973] 1 LNS 158; *Goh Kheng Seong v. PP*].

[27] Keputusan Vincent Ng HMT ini begitu jelas sekali merungkaikan prinsip-prinsip yang mesti diguna pakai oleh mahkamah tatkala berhadapan dengan pertuduhan di bawah s. 41(1) APJ, iaitu:

(i) Mahkamah perlu bertanya soalan: "Adakah kematian disebabkan oleh pemanduan merbahaya (dangerous driving) atau pemanduan melulu (reckless driving)?".

(ii) Kematian yang disebabkan oleh suatu pemanduan merbahaya berlaku disebabkan "momentary inattention, misjudgment or inadvertence".

(iii) Kematian yang disebabkan oleh pemanduan melulu pula berlaku disebabkan sikap pemandu yang mementingkan diri sendiri dan langsung tidak mengambil peduli keselamatan pemandu lain, atau pengguna jalan lain, atau penumpang dalam kenderaan yang dipandunya. Pemandu yang termasuk dalam kategori ini juga telah mewujudkan risiko kecederaan yang jelas dan serius kepada orang lain, atau telah mewujudkan risiko kerosakan kepada harta benda, dan sama ada dia tidak langsung memikirkan tentang kemungkinan wujudnya risiko tersebut, ataupun dia tahu tentang risiko itu tetapi tidak mengendahkannya.

(iv) Berdasarkan penjelasan itu, maka pemanduan merbahaya adalah dalam kategori kurang serius, manakala pemanduan dalam keadaan melulu berada dalam kategori yang amat serius.

(v) Bukan dalam semua keadaan seseorang yang memandu dalam keadaan merbahaya, juga boleh dianggap sebagai memandu dalam keadaan melulu.

(vi) Inilah juga sebabnya kenapa peruntukan s. 41(4) APJ diwujudkan, di mana jika pemandu didapati memenuhi elemen "dangerous driving", yakni dia termasuk dalam kategori yang kurang serius, maka dia boleh disabitkan dengan pertuduhan yang lebih ringan iaitu di bawah s. 42 atau 43 APJ.

(vii) Jika pun pemandu terbabit terus disabitkan di bawah s. 41(1), maka kategori itu mesti digunakan dalam penentuan hukuman yang sewajarnya dijatuhkan.

[28] Memandangkan Mahkamah Tinggi sebelum ini telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap responden di bawah s. 41(1) APJ, ini bermakna di peringkat pembelaan, Majistret perlu mempertimbangkan sama ada pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan suatu keraguan munasabah, sejajar dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311. Mahkamah ini memutuskan dapatan Majistret bahawa pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan suatu keraguan munasabah adalah betul, sejajar dengan dapatan mahkamah ini, seperti yang telah dihuraikan dalam perenggan [22] dan [23] di atas.

[29] Dalam menilai semula dapatan Majistret semasa rayuan ini, saya terikat dengan prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *P'ng Hun Sun v. Dato' Yip Yee Foo* [2013] 1 LNS 320; [2013] 2 AMCR 350; [2013] 6 MLJ 523:

> When the finding of the trial judge is factual, however the fact finders decision cannot be disturbed on appeal unless the decision of the fact finder is plainly wrong (see *China Airlines Ltd v. Maltran Air Corp Sdn Bhd (and Another Appeal)* [1996] 3 CLJ 163; [1996] 2 AMR 2233; [1996] 2 MLJ 517; *Zahara Bt A Kadir v. China Airline Ltd v. Maltran AirCorp. Sdn Bhd & Anor Appeal* [1996] 3 CLJ 163; [1996] 2 MLJ 517; *Zaharah A Kadir v. Ramuna Bauxite Pte Ltd & Anor* [2011] 1 LNS 1015; [2012] 1 AMR 209; *Kyros International Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2013] 3 CLJ 813; [2013] 1 LNS 1; [2013] 4 AMR 55; [2013] 2 MLJ 650;.
>
> The findings of fact of the trial judge can only be reversed when it is positively demonstrated to the appellate court that;
>
> (a) By reason of some non-direction or misdirection or otherwise the judge erred in accepting the evidence which he or she did accept; or
>
> (b) In assessing and evaluating the evidence the judge has taken into account some matter which he or she ought not to have taken into account; or
>
> (c) It unmistakably appears from the evidence itself, or from the unsatisfactory reasons given by the judge for accepting it, that he or she cannot have taken proper advantage of his or her having seen and heard the witnesses; or
>
> (d) In so far aside the Judge has relied on manner and demeanour, there are other circumstances which indicate that the evidence of the witness which he or she accepted is not credible, as for instance, where those witnesses have on some collateral matter deliberately given an untrue answer.

Kesimpulan

[30] Setelah menilai kembali semua keterangan saksi termasuk keterangan responden ketika membela diri, dan menilai dapatan Majistret mengenai keterangan-keterangan tersebut, saya berpuas hati bahawa walaupun pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa responden telah memandu dalam keadaan yang merbahaya, namun kematian si mati bukannya disebabkan pemanduan responden itu. Ia tidak memenuhi kriteria dan elemen s. 41(1) APJ 1987.

[31] Seperti yang diputuskan oleh Vincent Ng HMT dalam kes *Zulkifli Omar (supra)*, yang telah saya huraikan sebelum ini, kematian si mati bukan disebabkan pemanduan merbahaya responden seperti diperuntukkan dalam s. 41(1) APJ. Dalam keadaan sedemikian, mahkamah ini mendapati responden sewajarnya disabitkan di bawah s. 42 atau 43 APJ dan bukannya s. 41(1) APJ. Namun disebabkan dapatan awalnya bahawa responden disabitkan di bawah s. 43(1) APJ telah dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi, tangan Majistret menjadi terikat dan hanya wajar membuat dapatan sama ada responden telah melakukan kesalahan di bawah s. 41(1) APJ atau sebaliknya.

[32] Berdasarkan segala alasan yang saya nyatakan di atas, maka mahkamah ini memutuskan dapatan Majistret untuk melepaskan dan membebaskan responden dari pertuduhan di bawah s. 41(1) APJ adalah betul. Rayuan pihak pendakwaan ditolak.